



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)

**Hanya dibuka untuk pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**KURATOR ARKEOLOGI (B.3)
JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**KURATOR ARKEOLOGI
JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Arkeologi / Geologi / Sejarah / Sosiologi atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) i) Telah berkhidmat di Jabatan Muzium-Muzium dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

2. a) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Muzium-Muzium dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- b) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



- c) Boleh bertutur dan menulis dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.
- d) Berkebolehan membaca tulisan jawi adalah kelebihan.
- e) Mestilah cenderung dalam kerja-kerja penyelidikan dan penulisan di bidang pra sejarah / sejarah serta berkemahiran dalam melakukan kerja-kerja penggalian di kawasan-kawasan purbakala, membuat penganalisan, penafsiran ke atas tinggalan-tinggalan purbakala dan menyediakan laporan kerja-kerja arkeologi.
- f) Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Selaku Ketua Bahagian Arkeologi, mentadbir, merancang, mengendalikan serta memajukan rancangan-rancangan atau projek-projek jangka pendek dan jangka panjang Bahagian Arkeologi;
2. Mengawas, membimbing serta membetulkan kerja yang diberikan kepada pegawai bawahannya;
3. Melaksanakan Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam 1967;
4. Menyediakan laporan tahunan bahagian dan laporan yang berkaitan dengan bahagiannya;
5. Menambah dan meningkatkan pengetahuan dan pengajian dalam bidang arkeologi dan koleksi arkeologi melalui penyelidikan dan kegiatan berterusan serta melalui penerbitan dalam bidang-bidang berkenaan;
6. Memupuk dan meningkatkan kesedaran dan kecintaan terhadap tinggalan-tinggalan arkeologi dan sejarah;
7. Membina dan menyelenggara (*curating*) koleksi arkeologi untuk menjadi rujukan negara dengan menggunakan sistem teknologi maklumat semasa yang bersesuaian; dan
8. Bekerjasama dengan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain dalam bidang yang berkaitan dengan arkeologi tempatan.